

Lelaki simpan motosikal curi dipenjara 24 bulan

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 24 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah atas pertuduhan menyimpan sebuah motosikal curi.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas meneliti beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuannya, fakta kes, keseriusan kesalahan serta mengambilkira kepentingan awam.

Tertuduh, Makeson Diman, 41, dari Batu 30, Jalan Bintulu-Miri, didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksan

yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima tahun serta boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh didapati dengan curang telah menyimpan harta curi iaitu sebuah motosikal kepunyaan Kong Chak Haw, 35.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 12.55 tengah hari, 7 September lalu di sebuah kawasan semak di Tudan Desaras 2 di sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Nurajemah Umar.